

مَجْلِسُ سَمْبُوتِ مَوْلَانِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتَعَلُّقِ كَبْعَتَانِ

12 ربيع الأول 1436 هـ برسا مان 3 جانواري 2015 م

"قرقادوان نادي ترانسفورماسي نكارا"

## *Perpaduan Nadi Transformasi Negara*

*12 Rabi' ulawwal 1436H  
bersamaan  
3 Januari 2015M (Sabtu)  
Masjid Putra, Putrajaya*










**SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XIV  
ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH  
IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH**

D.K., D.K.H., D.K.M., D.M.N., D.U.K., D.M.K., D.K. (Kelantan), D.K. (Pahang), D.K. (Selangor), D.K. (Perlis),  
D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Johor), D.K. (Terengganu), D.K. (Perak), D.K. (Brunei), D.P. (Sarawak), D.U.N.M.,  
S.M.D.K., S.H.M.S., S.G.M.K., S.P.M.K., S.S.D.K., Grand Cordon of The Order of the Rising Sun of Japan,  
Bintang Maha Putra Adipradana (Indonesia), Order of the Rammata Thailand,  
Honourable Knight Grand Cross Order of the Bath of U.K., Asso. Knight Order of St. John.,  
Hon. Ph.D (UUM), Collar of the Supreme Order of the Chrysanthemum  
and Grand Cordon of the Supreme Order of the Chrysanthemum (Japan),  
The Knight of the Most Illustrious Order of the Royal House of Chakri (Thailand).







**SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG  
TUANKU HAJAH HAMINAH**

D.M.N., D.K., D.K.H.,  
Grand Cordon of The Order of the Precious Crown (Japan),  
The Most Illustrious Order of Chula Chom Klao (Thailand).







PERUTUSAN  
YAB PERDANA MENTERI

SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW  
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1436H/2015M

Alhamdulillah, saya merafakkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat mengadakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/2015M. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, penghulu para nabi dan rasul, seluruh ahli keluarga serta para sahabat Baginda seluruhnya.

Setiap kali tiba tanggal 12 Rabi' ulawwal tahun Hijri, umat Islam akan memperingati sejarah kelahiran pemimpin terhebat buat seluruh umat iaitu Baginda Nabi Muhammad SAW. Baginda

merupakan utusan terakhir membawa sinar kepada sekalian alam dan sebagai agen transformasi utama mengubah keadaan manusia daripada kejahilan kepada kebenaran, menyatukan puak yang bersengketa menjadi satu ummah yang perkasa, serta membuka jalan kepada perkembangan Islam di seluruh dunia.

Insan teragung ini menjadi teladan buat kita memperkukuhkan ukhuwwah dan perpaduan sesama umat Islam. Ini bertepatan dengan maksud ayat al-Quran;

*“Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”*

(Surah al-Hujurat : 10)

Kejayaan Rasulullah SAW di Madinah dalam menyatukan kaum Muhajirin dan Ansar, Aus dan Khazraj, orang Islam dan bukan Islam berdasarkan Piagam Madinah menatijahkan suasana kehidupan yang harmoni, penuh persaudaraan dan bersatu padu, kestabilan politik serta kesepakatan dalam kepelbagaian.


Sehubungan itu, pemilihan tema Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/2015M kali ini iaitu **“Perpaduan Nadi Transformasi Negara”** dilihat amat tepat bagi menyemai semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya. Model yang telah dibentuk oleh Baginda Rasulullah SAW perlu dihayati dan diteladani sebaik-baiknya pada zaman yang penuh cabaran dewasa ini. Mekanisme yang diambil untuk mewujudkan keseimbangan dan sifat toleransi dalam kehidupan bermasyarakat di negara ini sewajarnya tidak disulami faktor provokatif dan

penuh propaganda sebaliknya kesefahaman harus dikekalkan demi mengukuhkan benteng perpaduan yang sekian lama terbina di Malaysia.

Menyedari kepelbagaian masyarakat di Malaysia, umat Islam juga hendaklah bijak memanfaatkan setiap medium yang ada dengan menunjukkan keindahan Islam dan menyampaikan dakwah secara langsung dan tidak langsung. Berusahalah merubah diri, keluarga dan masyarakat kita ke arah lebih baik bersandarkan panduan al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW, agar kejayaan akan dapat dilestari memenuhi aspirasi negara Malaysia yang kita sayangi.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/2015M pada kali ini. Semoga segala usaha murni kita akan diganjar keredhaan dan keberkatan daripada Allah SWT.

Sekian, wassalam.



Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak





  
**KATA ALU-ALUAN**  
**YB MENTERI**  
**DI JABATAN PERDANA MENTERI**  


**SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW  
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1436H/2015M**

Setinggi-tinggi pujian dan syukur kita merafakkan ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarga dan sahabat Baginda sekalian.

Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia-Nya, maka Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan 1436H/2015M dapat dijayakan pada hari ini. Sesungguhnya sambutan ini memberi makna dan nilai yang amat signifikan dalam kehidupan umat Islam di Malaysia sejak zaman berzaman.

Perpaduan menjadi asas pembentukan negara, bangsa dan ummah terbilang. Rasulullah SAW menjadikan perpaduan asas pembentukan negara Islam Madinah dengan menyatukan kaum Aus dan Khazraj serta mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar. Titik permulaan yang bermula daripada penyatuan individu kepada penyatuan warga negara Madinah akhirnya membentuk perpaduan umat Islam di seluruh dunia. Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

*"Muslim adalah muslim yang lain. Dia tidak boleh menzalimi saudaranya dan membiarkannya teraniaya..."*

(Riwayat al-Bukhari)

Justeru, pada tahun ini, Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan membawa tema yang cukup bermakna iaitu, **"Perpaduan Nadi Transformasi Negara"**. Mendepani keadaan semasa yang semakin mencabar, umat Islam khususnya di negara ini harus merapatkan saf demi memelihara keutuhan ummah dan berusaha mencari jalan bagi memelihara kesucian agama serta kedaulatan negara.

Firman Allah SWT bermaksud:


*"Dan jangan kamu menjadi seperti orang (Yahudi dan Nasrani) yang bercerai-berai dan berselisih (dalam agama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan yang jelas nyata (yang dibawa oleh nabi Allah). Dan mereka yang bersifat demikian, akan beroleh azab seksa yang besar."*

(Surah Ali-'Imran : 105)

Sesungguhnya tiada cara lain untuk mengeratkan lagi tali persaudaraan dan perpaduan umat Islam selain berpegang teguh kepada ajaran Islam, agama yang menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia serta akhirat.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia serta kepada semua Ahli Jawatankuasa Induk dan semua pihak yang telah menjayakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/2015M. Semoga segala usaha dan sumbangan ini dikira sebagai amal jariah di sisi Allah SWT.


Sekian, wassalam.



Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B)





  
**KATA ALU-ALUAN**  
**KETUA PENGARAH**  
**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW**  
**PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1436H/2015M**

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya sekali lagi dapat kita menganjurkan Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/2015M.

Tanggal 12 Rabi' ulawwal mempunyai erti yang sungguh signifikan bagi umat Islam seluruhnya kerana menurut sebahagian besar ahli sirah, junjungan besar Nabi Muhammad SAW dilahirkan pada Rabi' ulawwal Tahun Gajah. Lahirnya Rasulullah SAW sebagai utusan

membawa berita gembira dan peringatan kepada seluruh umat manusia sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dan tidaklah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang yang ingkar) akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu)."*

(Surah Saba' : 28)

Justeru, Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan 1436H/2015M yang dianjurkan setiap tahun sejak sekian lama adalah bagi menghayati risalah rahmat yang dibawa Rasulullah SAW sebagai pedoman dan panduan hidup bertepatan dengan surah yang bermaksud:

*“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”*

(Surah al-Anbiya' : 107)

Marilah sama-sama kita berpandukan kepada risalah yang dibawa oleh Rasulullah SAW ke arah pembentukan masyarakat minda kelas pertama iaitu berpengetahuan luas, mampu berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang, berintegriti dan memiliki kekuatan moral serta spiritual yang disebut sebagai umat terbaik. Sesungguhnya perpaduan yang diasaskan oleh Rasulullah SAW hendaklah dijadikan model kepada kita bagi meneruskan agenda transformasi ke tahap yang lebih cemerlang menerusi kekuatan persefahaman dan ukhuwwah Islamiyyah. Ini bertepatan dengan tema sambutan tahun ini iaitu **“Perpaduan Nadi Transformasi Negara”**. Saya berharap agar Majlis Sambutan Maulidur

Rasul SAW Peringkat Kebangsaan 1436H/2015M pada kali ini dapat dihayati sepenuhnya dengan menerapkan budaya positif dalam setiap aspek kehidupan sepertimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

Akhir sekali, saya merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/2015M, semoga segala usaha ini dinilai sebagai amal soleh dan diberi ganjaran sewajarnya oleh Allah SWT.

Sekian, wassalam.



**Dato' Haji Othman bin Mustapha**



## PERPADUAN NADI TRANSFORMASI NEGARA



### Perpaduan

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Hendaklah kamu bersama jamaah dan janganlah kamu berpecah (keluar daripada jamaah)”.*

(Riwayat al-Tirmizi)

Kejayaan Rasulullah SAW mengukuhkan dua sisi

perpaduan iaitu dimensi sesama umat Islam dan pelbagai kabilah, merupakan model perpaduan terbaik dalam kehidupan beragama, bermasyarakat dan bernegara. Bahkan menerusi peristiwa penghijrahan Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah telah membawa kepada satu transisi peradaban yang memacu transformasi kegemilangan tamadun manusia. Terasnya adalah kejayaan mempromosi dan melaksana



## PERPADUAN NADI TRANSFORMASI NEGARA

prinsip penerimaan, kenegaraan dan keadilan sosial sehingga berupaya menyusun serta mengatur landskap kehidupan masyarakat yang pelbagai dan mewujudkan konsep *Unity in Diversity* (perpaduan dalam kepelbagaian).

### Prinsip Perpaduan - Penerimaan

Fitrah alam dicipta dalam pelbagai bentuk dan ragam. Namun dalam menjamin kelestarian dan keharmonian hidup, Islam yang tegas dengan prinsipnya turut meraikan kepelbagaian tersebut kerana ia adalah anugerah daripada Maha Pencipta. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu bertaaruf dan berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)...”*

(Surah al-Hujurat : 13)

‘Bersatu teguh, bercerai roboh’ - begitulah pepatah yang sinonim dengan perpaduan.

Menerusi firman Allah SWT di atas, jelas bahawa Islam amat menekankan persefahaman dan perpaduan antara kaum dan agama demi kepentingan bersama. Konsep taaruf dalam kemajmukan iaitu sentiasa mengikis prasangka dan salah faham serta saling menerima mampu mencerna masyarakat bernegara yang bersatu padu. Di samping itu, rakyat mestilah berusaha mencari persamaan dan mengecilkan perbezaan. Sekiranya sensitiviti itu berjaya diurus dengan pertimbangan toleransi, persefahaman dan penerimaan sepenuhnya, maka ia mampu memperkukuhkan perpaduan sedia ada sehingga mampu digembleng menjadi kekuatan dan nadi kepada transformasi sebuah negara.

### Prinsip Perpaduan - Kenegaraan

Piagam Madinah merupakan dokumen pertama yang menjadi asas kepada urus tadbir sebuah negara. Kejayaan Rasulullah SAW ini telah menghasilkan suasana kehidupan rakyat yang menitikberatkan hal persaudaraan dan bersatu padu menjaga negara. Dalam konteks sebuah negara berdaulat yang memiliki komuniti majmuk dan berlatar belakang rakyat pelbagai,



Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan merupakan punca kuasa dan rujukan terpenting dalam usaha menjamin hak-hak kepelbagaian tersebut. Selain itu, kestabilan politik dalam urus tadbir negara turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh kuasa tenaga penyatuan berteraskan persefahaman, kerjasama, perundingan dan persetujuan. Pendekatan eksklusif dan inklusif yang dijadikan mekanisme dalam meraikan kepelbagaian, telah berjaya menghasilkan suasana perpaduan, saling menghormati dan bertoleransi yang menghiasi kehidupan bermasyarakat seterusnya menjadi nadi kepada perubahan yang lebih baik. Natijahnya, kesejahteraan hidup terpelihara, semangat patriotisme rakyat meningkat serta imej keselamatan dan keamanan negara dapat diperkasakan.

### Prinsip Perpaduan - Keadilan Sosial

Islam adalah agama keadilan dan kesaksamaan. Peristiwa peletakan 'Hajar al-Aswad' membuktikan bahawa Islam membawa mesej keadilan yang menjamin kesejahteraan hidup. Pelaksanaannya juga merangkumi segenap aspek kehidupan yang meliputi ekonomi, politik, sosial

dan pelbagai lagi serta merentasi segenap lapisan masyarakat tanpa diskriminasi. Di samping itu, kebertanggungjawaban, penzahiran dan ketelusan serta imbangan merupakan asas nilai dan etikanya. Dalam hal ini, komitmen individu dan pemerintah sangat penting sebagai penentu kejayaan dalam usaha merealisasikan misi tersebut. Sesungguhnya masyarakat yang mengerti mahalnya harga perpaduan tidak akan membuat tuntutan yang melampau sehingga mencetuskan riak-riak permusuhan. Sebaliknya, masyarakat yang cintakan perpaduan dan keamanan adalah masyarakat yang akan meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan kelompok dan kepartian. Natijahnya, nilai integriti jadi budaya, kejayaan yang dikecapi dapat dinikmati secara bersama dan kemakmuran dapat dikongsi dengan lebih meluas.

### Perpaduan Nadi Transformasi Negara

Hakikatnya, keunikan negara Malaysia adalah kerana kemajmukannya. Kontrak sosial, latar belakang sejarah dan Perlembagaan Negara perlu menjadi kerangka perpaduan dalam membina 1Ummah yang hebat dan mampu memacu



## PERPADUAN NADI TRANSFORMASI NEGARA

transformasi negara. Dalam mendepani cabaran global, usaha untuk melaksanakan ketiga-tiga prinsip tersebut dalam menghasilkan kestabilan politik, kemantapan ekonomi dan pembangunan modal insan, seharusnya dijadikan agenda transformasi utama dan indikator kepada dimensi sebuah negara maju yang seimbang. Ia selari dengan kehendak *Maqasid al-Syariah* yang bersifat sejagat berteraskan masalah, keadilan dan berhikmah serta mempunyai tujuan yang

amat jelas. Sesungguhnya kesejahteraan negara menuntut integrasi, keikhlasan dan komitmen semua pihak dalam memastikan semangat perpaduan dan kesefahaman terus segar. Bahkan ia dibina di atas landasan kesederhanaan, kesantunan dan kesatuan dengan satu matlamat ke arah kemajuan dan pembangunan seimbang yang menatijahkan *Baldatun Toyyibatun Warabbun Ghafur* (Negara yang baik dan diampuni Tuhan).



















فطره  
fitrah  
USRAH FITRAH

B 001

Sambutan Hari Raya  
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1438  
KUALA LUMPUR 2016

فطره  
fitrah  
USRAH FITRAH  
Kongress Kesatuan Ummah



## ATUR CARA

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW  
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1436H / 2015M

- 6.00 pagi - Peserta-peserta kontinjen lelaki solat subuh di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya
- 6.45 pagi - Dif-dif jemputan lelaki yang menyertai perarakan berkumpul di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Dif-dif jemputan wanita mengambil tempat di Masjid Putra, Putrajaya
- 7.45 pagi - Perarakan bermula
- 8.30 pagi - Perarakan tamat. Kontinjen perarakan mengambil tempat
- 8.45 pagi - Ketibaan dif-dif jemputan
- 9.00 pagi - Ketibaan dif-dif kenamaan
- 9.20 pagi - Ketibaan YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri dan YABhg. Puan Sri Datin Paduka Noorainee binti Haji Abdul Rahman
- 9.30 pagi - Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah
- Selawat Nabi SAW
- Bacaan Doa

## PERPADUAN NADI TRANSFORMASI NEGARA

- Bacaan Ayat-ayat Suci al-Quran
- Ucapan alu-aluan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/2015M
- Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
- Ceramah Agama
- Upacara pengurniaan Anugerah Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/2015M
- Selawat Nabi SAW
- Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berangkat meninggalkan majlis
- YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri dan YABhg. Puan Sri Datin Paduka Noorainee binti Haji Abdul Rahman meninggalkan majlis
- Majlis bersurai



## PENERIMA ANUGERAH

### PENERIMA ANUGERAH PERDANA MAULIDUR RASUL SAW 1435H / 2014M

**YBhg. Datuk Dr. Mohd Daud bin Bakar**  
Pengerusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara

### PENERIMA ANUGERAH MAULIDUR RASUL SAW 1435H / 2014M

**YBhg. Tan Sri Abdul Kader bin Talip**  
Bekas Mufti Wilayah Persekutuan

**YBhg. Datuk Wira Hj. Hamza bin Taib**  
Pesuruhjaya Polis Sabah

**YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abdul Kadir**  
Ahli Majlis Kebangsaan PERKIM (2013-2016)

**YBhg. Dato' Faiza bin Haji Thamby Chik**  
Felo Kehormat USIM

**YBhg. Dato' Prof. Zakaria bin Stapa**  
Pensyarah di Jabatan Akidah dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM

**YBhg. Datin Rosmiati binti Haron**  
Mantan Pengarah Bahagian Latihan Jakim

**Encik Azimi bin Kassim**  
Juruhebah Radio Malaysia Jakim Salam fm

**Allahyarham Ahmad Ammar bin Ahmad Azam  
(Wakil-Bapa)**  
Pelajar Malaysia di Turki dan Sukarelawan Malaysia

## PERPADUAN NADI TRANSFORMASI NEGARA

# JAWATANKUASA INDUK

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW  
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1436H / 2015M

### Pengerusi

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

### Setiausaha

Ketua Pengarah,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

### PENGERUSI-PENGERUSI JAWATANKUASA

#### Jawatankuasa Penerangan dan Seranta

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Komunikasi dan Multimedia

#### Jawatankuasa Perhimpunan, Persembahan dan Perjalanan Maulidur Rasul 1436H

Pengarah, Bahagian Perhubungan,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

#### Jawatankuasa Perarakan Maulidur Rasul 1436H

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan),  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

#### Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Maulidur Rasul 1436H

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar),  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

#### Jawatankuasa Sambutan VVIP, VIP dan Protokol

Setiausaha Bahagian, Bahagian Istiadat dan Urusetia  
Persidangan Antarabangsa, JPM

#### Jawatankuasa Keraian dan Jamuan

Pengarah, Bahagian Kemajuan Islam,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



**Jawatankuasa Penyiaran,  
Penyediaan Pentas dan Perhiasan**

Pengarah, Bahagian Media,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**Jawatankuasa Pengangkutan**

Ketua Pengarah,  
Jabatan Pengangkutan Jalan

**Jawatankuasa  
Keselamatan dan Lalu Lintas**

Ketua Polis Kuala Lumpur,  
Polis Diraja Malaysia

**Jawatankuasa Penerbitan Khas**

Pengarah, Bahagian Penerbitan,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**Jawatankuasa  
Percetakan Buku Atur Cara**

Ketua Pengarah,  
Jabatan Penerangan Malaysia

**Jawatankuasa Persiapan Tempat**

Pengarah, Bahagian Khidmat Pengurusan,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**Jawatankuasa Kebajikan dan  
Pertolongan Cemas**

Pengarah, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**Jawatankuasa Jemputan  
VVIP dan VIP**

Pengarah, Bahagian Perhubungan,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**Jawatankuasa Kewangan**

Pengarah, Bahagian Kewangan,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**Urus Setia JAKIM**

Bahagian Perhubungan,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

## PERPADUAN NADI TRANSFORMASI NEGARA

# PENGHARGAAN

ISTANA NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA  
KEMENTERIAN LUAR NEGERI  
POLIS DIRAJA MALAYSIA  
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA  
JABATAN PENYIARAN MALAYSIA  
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN  
JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA  
PERBADANAN PUTRAJAYA  
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR  
RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)  
MASJID PUTRA, PUTRAJAYA  
MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN, PUTRAJAYA  
SYARIKAT SWASTA DAN ORANG PERSEORANGAN  
PERTUBUHAN AKHBAR, BERITA DAN PIHAK MEDIA

dan semua pihak yang memberikan kerjasama dan sokongan dalam menjayakan  
Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/2015M.



# بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
الله برصلوات (سموڪ الله ممبريكن بركت  
دان رحمة) دان سلام كأتسن

يَا رَسُولَ سَلَامٍ عَلَيْكَ  
واهاي رسول سلام أتسمو

صَلَوَاتُ اللَّهِ عَلَيْكَ  
الله برصلوات (سموڪ الله ممبريكن بركت  
دان رحمة) كأتسمو

فَاخْتَفَتْ مِنْهُ الْبُدُورُ  
هيلغ لڦ سكالادوكا

قَطُّ يَا وَجْهَ السُّرُورِ  
واجه كمبيراسقنجع حياة

صَلَّى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ  
الله برصلوات (سموڪ الله ممبريكن  
بركت دان رحمة) كأتس محمد

يَا نَبِيَّ سَلَامٍ عَلَيْكَ  
واهاي نبي سلام أتسمو

يَا حَبِيبُ سَلَامٍ عَلَيْكَ  
واهاي ككاسيه سلام أتسمو

أَشْرَقَ الْبَدْرُ عَلَيْنَا  
بولن قورنام مپيزي كيت

مِثْلَ حُسْنِكَ مَا رَأَيْنَا  
اينده مناون تيدق فرنه دفندع

## PERPADUAN NADI TRANSFORMASI NEGARA

أَنْتَ نُورٌ فَوْقَ النُّورِ  
 كاوله چهاي معناسي چهاي

أَنْتَ شَمْسٌ أَنْتَ بَدْرٌ  
 كاوله ماتهاري كاوله بولن

أَنْتَ مِصْبَاحُ الصُّدُورِ  
 كاوله اوبور مپولوه جيوا

أَنْتَ إِكْسِيرٌ وَغَالِي  
 كاوله رهسيا هيدوف موليا

يَا عَرُوسَ الْخَافِقِينَ  
 واهاي فغنئين انده ميكت

يَا حَبِيبِي يَا مُحَمَّدٌ  
 واهاي ككاسيهكو واهاي محمد

يَا إِمَامَ الْقِبْلَتَيْنِ  
 واهاي امام دوا قبله

يَا مُؤَيِّدُ يَا مُمَجِّدُ  
 واهاي نبي واهاي يثع دجولغ فوجا

يَا كَرِيمَ الْوَالِدَيْنِ  
 واهاي فغهولو بركتورونن موليا

مَنْ رَأَى وَجْهَكَ يَسْعَدُ  
 بها كخاله اورغ يثع ممدع ووجهمو

وَرَدْنَا يَوْمَ النُّشُورِ  
 تمقت كامى مينوم دهاري اخير

حَوْضُكَ الصَّافِي الْمُبْرَدُ  
 كولم ايرمو سجوق جرينه



بِالسُّرْمَى إِلَّا إِلَيْكَ  
سفنجج مالم مريندوكن توان

وَالْمَلَائِكَةُ صَلُّوا عَلَيْكَ  
داءيريجي دعاء قارا ملائكة

مُسْتَجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
دي ممفركن سكالادعاء

بِجَمِيعِ الصَّالِحَاتِ  
دغن سكالاعمنا صالح

عَدَّ تَحْرِيرَ السُّطُورِ  
سبابق باريس كرتس دتوليس

صَاحِبُ الْوَجْهِ الْمُنِيرِ  
يغ ممقوپاءمي وجه برسري مناون

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيْهِ  
يا الله صلوات دان سلام سرتا بركتيله كاتس

مَارَ أَيْنَا الْعَيْسَ حَنْتَ  
تيدق قرنه ترليهت اوتنا برجان

وَالْغَمَامَةُ قَدْ أَظَلَّتْ  
اغكاو دقايوغي اون قوتيه

عَالَمِ السِّرِّ وَأَخْفَى  
الله ممغناهوغي رهسيا ترسيرت

رَبِّ أَرْحَمْنَا جَمِيعًا  
واهاي توهن رحمتيله كامي

وَصَلَاةُ اللَّهِ عَلَى أَحْمَدَ  
الله برصلوات كاتس محمد

أَحْمَدُ الْهَادِي مُحَمَّدٌ  
سبابق - باعيق فوجيان يغ مباوا  
فتونجوق اياله محمد

## NOTA





# NOTA





DITERBITKAN OLEH  
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA